

Pesanan kepada yang berlainan fahaman politik

Berkecuuali ketika menjalankan tugas



● DATUK ABDULLAH

KUALA LUMPUR, Sabtu — Kakitangan-kakitangan kerajaan yang berlainan fahaman politik dengan parti yang memerintah hendaklah bersikap berkecuuali dalam pelaksanaan segala tugas dan tanggungjawab mereka.

Mereka hendaklah menjalankan segala dasar dan kegiatan kerajaan yang memerintah sekalipun dasar itu berbeza dengan fahaman politik mereka.

Pegawai dan kakitangan kerajaan seperti ini tidak berhak menyekat pelaksanaan dasar-dasar kerajaan yang memerintah.

Sewaktu berucap di perasmian mesyuarat

agung Persatuan Pegawai-Pegawai Tadbir dan Diplomatik di sini hari ini, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi berkata:

"Mereka hendaklah bersikap berkecuuali dan tidak mengambil pendirian politik dalam melaksanakan segala dasar kerajaan.

"Malah, mereka dikehendaki melaksanakan dasar-dasar itu dengan penuh minat dan keazaman."

Menurutnya, pegawai-pegawai ini tidak dibenarkan menegakkan pendirian mereka yang bertentangan dengan kehendak parti pemerintah, dan dari segi inilah golongan pentadbir atau kakitangan kerajaan itu dikatakan berkecuuali.

"Tidak ada maaf bagi mereka yang enggan melaksanakan dasar kerajaan yang memerintah semata-mata kerana dasar itu tidak secocok dengan fahaman politik mereka," kata Datuk Abdullah.

Menurutnya, konsep 'perkecuualan dalam perkhidmatan awam' yang kerap diperkatakan itu selalu disalah-tafsirkan.

Penglibatan golongan politik secara meluas di dalam pentadbiran dan pengurusan menurutnya, bukan bertujuan menge-napkan konsep ini.

"Penglibatan golongan politik yang lebih aktif dalam pentadbiran adalah bertujuan untuk menentukan pencapaian segala yang dirancang itu menepati sasarannya,"

katanya.

Bellau juga berkata dalam era baru pembangunan ini jelas sekali bahawa golongan pentadbiran dan politik adalah rakan seperjuangan di dalam pembangunan negara.

Menurutnya, sejak akhir-akhir ini beberapa perubahan dan penyuaian baru telah dibuat di dalam perkhidmatan awam bertujuan membolehkan perkhidmatan awam negara berjalan dengan pantas, cekap dan bersepadu.

Datuk Abdullah berkata, perubahan ini tidak dapat dielakkan untuk mengubah sikap dan cara bekerja dari yang lama kepada yang baru termasuk penggunaan peralatan pejabat yang

moden.

"Pengenalan teknologi moden pengurusan juga berkehendakkan penerimaan dengan hati terbuka dari pihak pengurusan serta mendapat sokongan dan bukannya penentangan," katanya.

Menurutnya, keberkesanan dalam tugas-tugas kerajaan hanya akan dicapai melalui persepaduan kerja yang baik dan saling bantu-membantu antara golongan politik dan pentadbiran.

"Mesti ada suatu titik pertemuan, persediaan dan pendapat dan keunggulan yang disertai dengan penglibatan dalam usaha mencapai aspirasi yang sama-sama dildamkan," katanya.